

C Kata Ganti Nama Tunjuk

Kata ganti nama tunjuk digunakan untuk menunjukkan nama benda, tempat, dan hal yang hendak dinyatakan.

Kata Ganti Nama Tunjuk	Penggunaan
1. ini	menunjukkan sesuatu yang dekat
2. itu	menunjukkan sesuatu yang jauh
3. sini	menunjukkan tempat yang dekat
4. situ	menunjukkan tempat yang tidak begitu jauh daripada orang yang berbicara
5. sana	menunjukkan tempat yang jauh
6. begini	macam ini, seperti ini
7. begitu	macam itu, seperti itu

Ayat Contoh:

1. Bunga hiasan ini diperbuat daripada daun getah.
2. **Itu** kereta baharu Abang Shahril.
3. Di **sini**lah tempat ayah saya dibesarkan.
4. Ezah tidak lagi tinggal di **situ** semenjak neneknya meninggal dunia.
5. Petani itu sedang bekerja di tengah sawah **sana**.
6. **Begini**lah nasib kami orang kampung yang tidak berharta.
7. Kalau **begitu**lah cara kamu berniaga, kamu tidak akan maju.

AKTIVITI UASA 2 Kata Ganti Nama Tunjuk

Format Terbaharu UASA

Soalan 1 hingga 14

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. "Jam tangan _____ adalah pemberian ayah saya sempena hari jadi saya yang ke-12," kata Nicky.
A ini C sana
B situ D sini
2. Banglo di tepi pantai _____ kepunyaan Syed Shauki, pengusaha batik yang berjaya.
A begitu
B begini
C sini
D itu
3. Mak Cik Jah dan suaminya sudah sepuluh tahun berniaga nasi ayam di _____.
A itu
B sini
C situ
D begini

4. Mereka selalu pergi ke _____ untuk memikat ayam hutan.
A begitu
B itu
C ini
D sana
5. "Rumah-rumah _____ besar dan cantik belaka," kata Lili kepada ibunya sambil menunjukkan ke arah sederet rumah banglo.
A ini
B itu
C situ
D begini
6. "_____lah kehidupan kami setelah suami saya terlantar kerana penyakit angin ahmar," kata Puan Gayah kepada pegawai kebajikan masyarakat itu.
A Begitu
B Begini
C Itu
D Ini
7. "Janganlah menuduh saya _____. Saya tidak berniat untuk merampas harta pak cik," kata Zahim kepada Pak Amir.
A sini
B sana
C ini
D begitu
8. Potret _____ merupakan bekas tangan pelukis yang cacat.
A ini
B situ
C sini
D sana
9. "Marilah _____," kata Pak Haji Yunus, memanggil cucunya yang sedang menonton televisyen.

- A itu
B sana
C situ
D sini

10. "_____lah cara untuk menyelesaikan soalan Matematik ini," kata Hana yang membantu rakannya menjawab soalan itu.
A Begini
B Situ
C Sana
D Itu
11. Orang ramai dilarang mandi-manda di _____ kerana kawasan itu berbahaya.
A begitu
B begitu
C itu
D situ
12. Seniman tua itu tinggal di hujung kampung _____.
A begitu
B sini
C situ
D sana
13. "Kalau sudah _____ kata tuk guru, kami mengikut sahaja," kata Megat Alang mewakili kawan-kawannya.
A ini
B situ
C begitu
D begini
14. "Pondok buruk di tepi sawah _____lah tempat ayah dibesarkan," kata Pak Hassan sambil menunjukkan ke arah sebuah pondok kecil kepada anaknya.
A sini C ini
B sana D itu